

Sasar nilai dagangan RM126b pada 2025

PETALING JAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Malaysia dan Thailand menyasarkan peningkatan nilai perdagangan kepada RM126 bilion (AS\$30 bilion) menjelang tahun 2025

Perdana Menteri berkata, Thailand merupakan rakan dagangan keenam terbesar Malaysia di peringkat global dan kedua terbesar di kalangan negara ASEAN.

Pada tahun lalu, katanya, jumlah dagangan Malaysia-Thailand bernilai RM97.97 bilion (AS\$23.64 bilion), meningkat sebanyak 23 peratus berbanding tahun 2020.

“Hubungan dagang di sempadan menyumbang hampir 50 peratus dari jumlah dagangan Malaysia - Thailand. Sebab itulah pembukaan sempadan amat penting bagi merancakkan semula ekonomi kedua-dua nega-

ra,” katanya dalam sidang akhbar di Bangkok, Thailand sebelum berlepas pulang, semalam.

Perdana Menteri berada di ibu negara Thailand itu sempena lawatan rasmi ke negara itu dan telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Thailand, Prayuth Chan o-cha mengenai hubungan strategik kedua-dua negara.

Sebelum itu, Ismail Sabri mengadakan lawatan yang sama ke Kemboja.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, mereka juga berbincang tentang projek kesalinghubungan Malaysia-Thailand iaitu pembinaan jajaran jalan menghubungkan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dan kemudahan sama di Sadao.

“Malaysia dan Thailand juga bersetuju supaya kumpulan kerja pakar serta jawatankuasa teknikal menyegerakan rundingan mengenai jajaran tersebut.

“Kami bersetuju untuk menyambung rundingan berkaitan pelaksanaan dua projek jambatan persahabatan merentasi Sungai Golok di Kelantan iaitu jambatan ke-2 Rantau Panjang-Sungai Golok dan jambatan baharu Pengkalan Kubor-Tak Baikatanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia sedang menjalankan kajian untuk kebolehlaksanaan perkhidmatan kereta api berkelajuan tinggi (HSR) di antara Kuala Lumpur Bangkok.

“Dalam hal ini, Malaysia dan Thailand bersetuju akan mengadakan kajian kebolehlaksa-

naan (feasibility study) dan kita akan meminta kementerian dan jabatan yang berkaitan untuk mengambil tindakan segera,” kata beliau.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kedua-dua negara juga menyatakan komitmen untuk meningkatkan kerjasama dalam Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), terutamanya melalui pelaksanaan Kesalinghubungan Projek Fizikal (PCP).

Katanya, adalah penting untuk Malaysia dan Thailand memberi fokus kepada tiga bidang tumpuan utama iaitu pertanian dan industri asas tani, pelancongan serta produk dan perkhidmatan halal dan merealisasikan Wawasan IMT-GT 2036 yang bersepadu, inovatif, inklusif dan mampan.